

**KU
LI**

*Memorir
205*

ZINITULNIZA ABDUL KADIR

FERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



**KU
LI**
*Memoir
205*





KU LI

Memoir
205

ZINITULNIZA ABDUL KADIR



**FORUM
PRESS**

KUALA LUMPUR
2024

PUSTAKA PERDANA



1013605

Buku **KU LI: MEMOIR 205** diterbitkan oleh Forum Press Sdn Bhd.

Diterbitkan oleh:
FORUM PRESS SDN BHD
(1397197-A)
The Bungalow
No. 22, Lorong Hillview 2D
Taman Hillview, 68000
Ampang, Selangor

Cetakan Pertama 2024
Penerbitan © Forum Press Sdn Bhd
Teks © Zinitulniza Abdul Kadir

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi, foto dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Forum Press Sdn Bhd.

	Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
	Perpustakaan Negara Malaysia
	Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia
	ISBN 978-629-99293-0-7

Penasihat penerbitan: Mohd Khair Ngadiron dan Hood Osman
Penulis/ Editor: Zinitulniza Abdul Kadir
Pengurus penerbitan: Abd Khalil Zalmi Kamarazaman
Atur huruf dan reka bentuk kulit buku serta kandungan:
Zinitulniza Abdul Kadir
Pembaca pruf: Sabariah Mohd Azhari

Dicetak di Malaysia oleh:
ATTIN PRESS SDN BHD
No. 8, Jalan Perindustrian PP4
Taman Perindustrian Putera Permai
Bandar Putra Permai
43300 Seri Kembangan
Selangor, Malaysia.

KANDUNGAN

Prakata	vi
Prolog	x
01 — Beribu Ancam Keluar UMNO	001
02 — Ugutan MCA Pecahkan Perikatan	023
03 — Tujuan Tersirat Tubuhkan Malaysia	037
04 — Nyawa Ikan Diancam Perang Nuklear	047
05 — Sahabat Berganti Musuh	065
06 — Nota dari London Singkirkan Singapura	081
07 — Insiden 13 Mei Lahirkan Ultra Melayu	103
08 — Dilema <i>Malay Dilemma</i>	129
09 — Bank Bumiputra Kehilangan Teraju	153
10 — Ke China Tanpa Jaminan Pulang	169
11 — Misi Kembalikan Hak Minyak Negara	187
12 — Diasak Supaya Dipecat	207
13 — Sut Mewah Kenangan Akhir Tun Razak	225
14 — Antara Paling Digeruni	251
15 — Gagal Pemeteraian Janji Enam Mata	283
Nota Hujung	322
Indeks	335
Biodata Penulis	338

P R A K A T A

Tidak mudah untuk saya menulis prakata ini, sama seperti tidak mudah juga awalnya untuk saya bersetuju dengan penerbitannya. Selepas *Razaleigh: Cita-cita dan Perjuangan*, tulisan Ranjit Gill pada 1987, saya menolak pelawaan banyak pihak, baik tempatan mahupun luar negara, untuk mengulang usaha yang sama. Banyak sebab mengapa saya keberatan, selain berpandangan bahawa saya tidak mempunyai banyak pengalaman menarik untuk dijadikan perkongsian. Maka ramai terkejut bila mendapat tahu perihal penerbitan buku ini. Berpuluh tahun menolak, mengapa kali ini saya bersetuju?

Dua faktor menjadi pendorong. Pertama ialah usaha bersungguh-sungguh Persatuan Alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (*IIUM Alumni*) meyakinkan bahawa beberapa sumbangan saya kepada negara perlu didokumentasi, khusus bagi mengelak kekeliruan fakta, terutama dalam kalangan generasi muda yang lahir selepas tamat era perkhidmatan saya dalam kerajaan. Hubungan saya dengan IIUM? Saya antara pihak yang ada kaitan dengan penubuhan universiti tersebut. Maka tahniah kepada *IIUM Alumni*. Berpuluh tahun berbakti kepada negara, saya tidak merasakan sumbangan saya penting untuk dikenang. Namun saya diyakinkan bahawa buku ini mempunyai matlamat lebih besar, iaitu berkongsi

sebalik tabir mengenai perkara tertentu — yang sama ada tidak diketahui sebelumnya, atau telah dilupakan, atau dikelirukan. Ini termasuk sejarah awal bagaimana Malaysia memulakan hubungan diplomatik dengan China, sebuah negara komunis dalam era di mana pengaruh fahaman itu dengan ideologi yang tidak bertuhan sedang menular di seluruh dunia. Malaysia mendahului semua negara serantau, dan walaupun perjanjian itu termeterai antara Perdana Menteri kedua-dua negara, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Zhou Enlai pada 1974, usaha itu asalnya bermula dengan misi menghantar saya ke Peking pada 1971 untuk misi sukar dalam keadaan penuh bahaya.

Saya mengenang pengalaman ke China dan peluang berunding sendiri dengan Perdana Menteri, Zhou Enlai — apabila dijemput menemuinya semasa saya di Peking, sebagai sumbangan paling penting saya kepada negara. Waktu itu, negara kita diancam oleh penganas bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) yang telah mencetus keadaan darurat di tanah air kita. Ramai rakyat, termasuk anggota pasukan keselamatan terbunuh, selain harta benda musnah menjadi korban keganasan musuh kita. Disebabkan itu, tidak mudah untuk saya menolak daripada bersetuju dengan penerbitan buku ini, yang antara lain turut meraikan Jubli Emas atau 50 tahun



termeterainya hubungan diplomatik Malaysia-China sejak 1974. Ia antara sejarah penting negara, dan saya bangga menjadi sebahagian warga Malaysia yang menyumbang kepada keamanan dan kejayaan tersebut.

Selain China, buku ini juga berkongsi sejarah awal bagaimana tertubuhnya Petronas, syarikat petroleum yang saya asaskan selepas diberi tanggungjawab berat mendapatkan semula hak minyak negara yang sebelumnya diserahkan oleh British kepada Royal Dutch Shell — lama sebelum Tanah Melayu merdeka pada 1957 — tanpa memiliknegerakan bahan api penting ini. Saya yakin tidak ramai tahu atau masih ingat akan sejarah pahit itu. Jika tiada usaha Tun Razak mengarahkan supaya dimulakan usaha untuk mendapatkannya semula, sumber galian penting Malaysia sejak 1976 itu yang telah banyak menyumbang kepada pengukuhan ekonomi negara — berlipat kali ganda melebihi jumlah pelaburan asing yang dilabur di negara kita — barangkali kekal menjadi hak Shell selama-lamanya, berikutan angkara British menetapkan tempohnya 'selagi ada bulan dan bintang'.

Sebab kedua mengapa saya bersetuju dengan penerbitan buku ini ialah faktor penceritaan yang dirangka penerbit, Forum Press Sdn. Bhd. menerusi penulisnya, Zinitulniza Abdul Kadir. Beliau tidak mengaturnya sebagai biografi atau memoir kisah hidup, tetapi mengambil pecahan peristiwa penting yang disusun berdasarkan pertimbangan bahawa ia wajar dikongsi untuk mengelakkan kepincangan dalam pemahaman terhadap sejarah negara. Hal ini akan difahami selepas membaca kesinambungan bab ke bab,

dan bagi yang peka, penamat yang dipilih sebenarnya ialah titik mula kepada banyak perkara yang kemudian mencetuskan pelbagai sejarah besar — baik kepada individu, parti, mahupun negara. Ia juga pada masa sama menjustifikasikan angka '205' pada judul buku.

Ringkasnya, *KU LI: Memoir 205* memperlihatkan sepintas lalu pengalaman usia muda saya berjuang untuk negara menerusi UMNO sejak 1962. Politik asalnya bukan cita-cita saya, apa lagi mengejar jawatan dan kedudukan. Saya mempunyai rancangan sendiri, tetapi takdir Allah menentukan tiga Perdana Menteri negara — Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn mencorakkan sebahagian perjalanan hidup saya.

Maka tahniah diucapkan kepada *IIUM Alumni* yang mencetuskan idea penerbitan, Forum Press Sdn. Bhd. sebagai penerbit, Zinitulniza sebagai penulis, dan semua pihak yang terlibat menjayakan penerbitan buku ini, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Setiap yang berlaku telah pun berlaku. Semoga perkongsian daripada buku ini dapat dijadikan iktibar untuk generasi muda merangka masa depan Malaysia yang lebih baik. Benar sejarah tidak boleh diubah, tetapi berhati-hatilah, kerana ia boleh berulang. Selamat membaca.



TENGGU RAZALEIGH TENGGU MOHD HAMZAH

Rakyat membanjiri
kawasan sekitar Padang
Kelab Selangor pada
malam 31 Ogos 1957.



PROLOG

► *Rundingan kemerdekaan di London yang diketuai **Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah** berjaya mencapai matlamat apabila Surat Perjanjian Kemerdekaan ditandatangani di Lancaster House pada 8 Februari 1956. Sejak itu, rakyat menunggu tibanya detik 12:00 malam 31 Ogos 1957 – apabila bendera Union Jack bakal diturunkan, sekali gus menandakan tamatnya penjajahan Inggeris selama lebih 170 tahun. ◀*

Menjelang malam, jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur sudah mula sesak. Kebanyakan tempat telah dipenuhi kenderaan, baik kereta, beca, mahupun basikal. Hampir semuanya mengibar bangga bendera negara – bendera Persekutuan Tanah Melayu.

Orang ramai tiba sejak petang, walaupun Tanah Melayu ketika itu masih dalam tempoh darurat. Berbilang bangsa, tua atau muda, semuanya berpusu-pusu menuju Padang Kelab Selangor, tempat di mana malamnya bakal diadakan acara menurunkan bendera Union Jack, tanda berakhir tempoh panjang pentadbiran British di Tanah

Melayu. Mereka yang menaiki kereta api dari utara dan selatan turun di Stesen Keretapi Kuala Lumpur, manakala yang tiba dengan bas diturunkan di *Malacca* serta *Johore Street*, sebelum berjalan kaki ke *Mountbatten Road* (Jalan Tun Perak) menuju ke *King Road* (Jalan Raja).

Walaupun telah wujud perkhidmatan bas dua tingkat di Kuala Lumpur, sistem pengangkutan ke ibu kota waktu itu masih dalam keadaan sukar. Sabak Bernam di Selangor hanya berjarak 132 kilometer, tetapi masih belum dihubungkan jalan darat. Perjalanan perlu menyusur Sungai Bernam menuju Hutan Melintang, Perak, sebelum mengambil bas ke Teluk Intan, seterusnya ke *Tapah Road* untuk menaiki kereta api ke Kuala Lumpur.¹

Menghampiri tengah malam, berpuluh ribu rakyat memenuhi sekitar padang, hingga akhirnya melimpah ke *King Road* dan sampai ke Bangunan Sultan Abdul Samad di seberang jalan – binaan ikonik dengan menara jam besar menyerupai Big Ben di London, yang ketika itu dianggap paling tepat bagi rujukan seluruh Tanah Melayu.

Padang Kelab Selangor meriah diterangi pelbagai lampu hiasan. Khusus untuk sambutan merdeka, sebuah pentas dibina di tengah-tengah padang, menghadap tiga tiang bendera – Union Jack di tengah, diapit bendera UMNO pada kanannya dan Perikatan di kiri.²

Dua jam sebelum acara, wakil daripada UMNO, MCA dan MIC mengambil tempat di padang dengan berdiri menghadap *King Road*. Lima minit menjelang tengah malam, Tunku tiba diiringi dua polis pengiring serta 30

Bangunan Sultan
Abdul Samad, Kuala
Lumpur dihias untuk
sambutan merdeka.



Nyanyian *Negaraku* dan
bendera Persekutuan
Tanah Melayu pertama
kali dinaikkan.



ahli Perikatan bermotosikal, langsung dibawa ke pentas, menghadap ketiga-tiga tiang bendera.³

Jam 11:58 malam, semua lampu di padang serta kawasan sekitar dipadamkan. Seluruh kawasan bergelap. Malam berubah sunyi, dan suasana bertukar hening.

Saat jam menara berdenting menandakan detik keramat 31 Ogos 1957, lampu dicerahkan, dan seluruh padang bergegar dengan tepukan gemuruh serta sorakan gembira laungan merdeka, “Merdeka! Merdeka!”... Seterusnya, lagu “*God Save the Queen*” diperdengarkan untuk kali terakhir sambil bendera Union Jack diturunkan, simbolik tamatnya tempoh beratus tahun penjajahan British di Tanah Melayu. Waktu sama, sorakan merdeka berterusan dilaungkan, sebelum suasana kembali hening saat lagu “*Negaraku*” pertama kali dimainkan dan bendera Persekutuan dinaikkan sambil Tunku berdiri memberi tabik hormat.

*“... rahmat bahagia... Tuhan kurniakan...
Raja kita, selamat bertakhta...”*

Sebaik bendera mencecah hujung tiang, jeritan merdeka dilaungkan tujuh kali, disambut gemuruh sorakan serta tepukan gembira.⁴ “Merdeka!.. Merdeka!”...

Waktu sama, jam 12:00 tengah malam di Tanah Melayu ialah 4:00 petang di London. **Tengku Razaleigh Tengku**

Mohd. Hamzah atau Ku Li saat itu seharusnya berada di Belfast, Ireland Utara. Namun penuntut tahun dua di Queen's University itu memilih untuk berada di London, bersesak di Marble Arch yang dipenuhi warga Tanah Melayu, meraikan sama acara menurunkan Union Jack di Kuala Lumpur.

Ucapan Tunku pada akhir acara:

“... kita kini satu bangsa bebas merdeka. Maka bersedialah untuk mempertahankan negara ini. Biar amat berat tanggungan kita di masa hadapan, bersama-samalah kita memikulnya.”⁵

Pulang ke rumah, Tunku sukar melelepkan mata. Sementara menunggu acara kemuncak Perisytiharan Merdeka di Stadium Merdeka esoknya, beliau bersolat dan menghabiskan masanya semalaman memikirkan masa depan Tanah Melayu.⁶ Disangka panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari. Ujian pertama menduga Tunku apabila hanya empat bulan kemudian, pada 28 dan 29 Disember 1957, beribu ahli UMNO seluruh negara mengugut keluar parti. □

BERIBU
ANCAM
KELUAR
UMNO

Tengku Razaleigh atau Ku Li diputerakan di Kota Bharu, Kelantan pada 13 April 1937. Berketurunan raja dari jalur Long Yunus yang memerintah Kelantan hingga 1794, ayahandanya ialah **Tengku Mohd. Hamzah Tengku Zainal Abidin**, bekas Menteri Besar Kelantan (1953–1959), antara tokoh pentadbir serta politik terawal negeri tersebut.

"Kami enam beradik – dua lelaki dan empat perempuan. Saya yang kelima." – *Ku Li*

Pada 1939, tercetus Perang Dunia Kedua – hanya dua tahun selepas lahirnya Ku Li, dan Jepun menduduki Tanah Melayu bermula 1941 hingga 1945. Serentak itu, sistem persekolahan negara matahari terbit itu diperkenalkan di seluruh negara, dan semua pelajar dipaksa mempelajari bahasa Jepun yang dikawal selia polisi pendidikan Jepun.

“Usia saya waktu itu belum pun lima tahun, tapi tetap dipaksa ke sekolah. Setiap pagi kami dikehendaki menyanyikan ‘*Kimigaya*’, lagu kebangsaan Jepun.” – *Ku Li*

Pada 6 dan 9 Ogos 1945, Amerika Syarikat menjatuhkan bom atom ke atas Hiroshima dan Nagasaki. Kemusnahan teruk yang dialami Jepun mendesak maharajanya, **Hirohito** membacakan Perintah Empayar menerusi radio *Gyokuon-hoso* (Siaran Suara Maharaja) pada 15 Ogos 1945, mengumumkan Jepun menyerah kalah, sekali gus menamatkan Perang Dunia Kedua.¹

“Bila British kembali ke Tanah Melayu, pendidikan Inggeris dimulakan semula, dan di Kelantan hanya ada sebuah sekolah Inggeris, Ismail English School atau IES. Di situlah saya bersekolah.” – *Ku Li*

Biarpun British kembali, keadaan tidak lagi sama seperti sebelumnya. Pada Januari 1946, Tanah Melayu ‘bergegar’ apabila kerajaan Inggeris mengumumkan cadangan penubuhan *Malayan Union* atau Kesatuan Tanah Melayu, berupa sebuah gabungan Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat (tanpa Singapura). Usaha itu dibantah keras orang Melayu, berikutan kerangkanya yang mengancam kedaulatan bangsa Melayu. Selain itu, cara British merendahkan kuasa sultan serta raja-raja Melayu turut memuncakkan semangat nasionalisme

Orang Melayu tiba-tiba
bangkit bersatu menentang
Malayan Union.



penduduk Melayu. Ia menggerakkan penentangan besar-besaran di seluruh negara sehingga akhirnya mengasaskan penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO (*United Malays National Organisation*) pada 10 Mei 1946.

Membesar di kediaman keluarga yang dibina ayahnya di Palm Manor, Kota Bharu, Ku Li dapat melihat sendiri bagaimana bangsanya berubah. Bertentangan jangkaan British, orang Melayu yang biasa dianggap bersikap menurut, berubah dibakar api perjuangan selepas dicabar *Malayan Union*. Sungguhpun aktiviti Hizbul Muslimin, parti politik Islam pertama Malaya ketika itu sudah pudar pengaruhnya, keghairahan golongan ulama terhadap perjuangan menentang British tidak pernah surut. Ia malah merintis jalan kepada penubuhan Persatuan Islam Se-Tanah Melayu (PAS), bermula dengan Majlis Tertinggi Agama (MATA) yang diasaskan menerusi *Pan-Malayan Islamic Conference* (Persidangan Islam Se-Malaya) di Madrasah Ma'ahad al-Ihya Assyariff, Gunung Semanggol, Perak pada 22 Mac 1947.²


"Orang Islam di Tanah Melayu, terutama di Pantai Timur memang kuat pegangan agamanya, dan itu mempengaruhi mereka dalam banyak hal. Ayahanda sendiri pernah merancang menghantar saya bersekolah rendah di Harrow, England, di mana Winston Churchill antara pelajarnya. *But my mother said no.* Bonda bimbang

saya jadi Kristian dan dipengaruhi agama kafir. *That's why I was not sent.* Bonda jadi takut bila tahu saya perlu ke gereja dan menghadiri *Sunday school*. Selagi boleh, bonda tidak mahu anak-anaknya terdedah walau sedikit pun kepada unsur-unsur yang bertentangan agama Islam. Generasi Melayu kita sebelum itu lebih teruk – bila bercakap Inggeris pun dilarang, kerana ia ditutur orang Kristian. Disebabkan hal tersebut, orang Melayu menolak menghantar anak-anak ke sekolah Inggeris, sebaliknya cenderung memilih madrasah untuk belajar Jawi bagi memahirkan diri membaca al-Quran. *That's why we're backward.* Itu salah, kerana bahasa ialah pengenalan ilmu untuk kita majukan diri, tidak ada kena-mengena dengan agama. Sedangkan Nabi juga menggalakkan umatnya menuntut ilmu sampai ke China, dan tidak bererti apabila kita ke China, kita akan terpengaruh dengan ajaran Buddha.” – *Ku Li*

Tamat sekolah di IES (kini SIC atau Maktab Sultan Ismail), Ku Li memilih untuk menyambung pengajian menengah di sekolah Inggeris.

"I always wanted to be a doctor. Itu minat dan cita-cita saya sejak kecil." – *Ku Li*

*Malay College Kuala
Kangsar di Perak.*



Bagi melayakkan diri ke sekolah menengah Inggeris, calon pelajar diwajibkan menduduki peperiksaan khas.

"Tapi di Kelantan tidak ada sekolah menengah Inggeris. Di seluruh Pantai Timur pun tidak ada. *So I had to sit for the exams to go into Victoria Institution, into Malay College, into St Andrew di Singapura, dan beberapa lagi.*" - *Ku Li*

Sebaik keputusan diperoleh, Ku Li antara pelajar yang mencatat markah paling tinggi untuk layak ke *Malay College Kuala Kangsar (MCKK)*.

"I was actually hoping to go to Singapore, but my father was the Chairman and Board of Governors of MCKK. Jadi dia kata, mana boleh saya tidak pergi."

Tiada pilihan, Ku Li akur ke MCKK. Duduk di sebelah kanannya di dalam kelas ialah **Mohammed Hanif Omar** (Tun), manakala di kiri beliau ialah **Mokhzani Abdul Rahim** (Profesor, Datuk Dr.).

"They were my classmates." - *Ku Li*

Polisi 'pecah dan perintah' yang dipraktikkan British ketika itu menyebabkan sistem pendidikan di Tanah Melayu lebih tertumpu kepada identiti kaum³, selain



dibezakan kelompok atasan dengan bawahan yang bertujuan memudahkan pentadbiran.⁴ Disebabkan itu, wujud empat jenis sekolah — Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris. MCKK antara sekolah Inggeris yang ditubuhkan British pada 1905, dengan matlamat untuk mendidik serta melatih golongan elit Melayu, terutama golongan kerabat dan bangsawan. Namun ia tidak serasi gaya hidup Ku Li.

"Saya tidak suka kehidupan asrama. I'm a free agent and cannot stay in the hostel." - Ku Li

Kebetulan ketika itu sekumpulan pelajar sosialis memberontak menentang guru-guru MCKK, antara punca aliran ekonomi 'diharamkan' di sekolah tersebut. Dan Ku Li melihatnya sebagai peluang untuk dijadikan alasan berpindah.

"It was my chance to get out from MCKK without annoying my father." - Ku Li

Ketika dipanggil berjumpa pengetuanya, **J. D. R. Howell**, Ku Li ditanya: *"It seems that you don't like staying here and want to leave."* Jawab Ku Li:

"If that is the thing for me to do, I'll do."

Kehendak Ku Li dituruti, bermakna tempohnya di MCKK hanya bertahan lapan hari.

"Saya berpindah ke Anderson School di Ipoh, and I was happy at Anderson. But since then I was stuck to economics." - Ku Li

Kesemua empat jenis sekolah di Tanah Melayu ketika itu berbeza ketara, termasuk menggunakan bahasa pengantar mengikut kaum masing-masing. Walaupun Tanah Melayu asalnya milik orang Melayu yang bertutur bahasa Melayu, peratus penggunaan bahasa tersebut dalam sistem pendidikan sangat rendah, kerana hanya berfungsi sebagai bahasa pengantar di sekolah Melayu.

Pada Julai 1951, Persidangan Islam Se-Malaya kali kedua dianjurkan atas tajaan UMNO, bertempat di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Bharu, Kuala Lumpur, diikuti seterusnya di Bagan, Butterworth, Pulau Pinang. Menerusinya, resolusi dicapai untuk menubuhkan Pertubuhan Ulama Se-Malaya⁵ yang kemudian mengasaskan PAS pada 24 November 1951 — parti yang melaungkan dirinya sebagai pejuang kemerdekaan untuk membentuk sebuah negara Islam.

Pada masa sama, semangat penentangan orang Melayu terus memuncak. Bagi menangani hal tersebut, British berpendirian bahawa pendidikan boleh digunakan sebagai elemen penyatu penduduk berbilang kaum di Tanah Melayu. Sehubungan itu, Jawatankuasa Pelajaran

1955 yang diketuai Menteri Pelajaran ketika itu, Datuk **Abdul Razak Hussein** (Tun) ditubuhkan bagi mengkaji bagaimana bahasa Melayu boleh digunakan sebagai bahasa pengantar utama pada semua peringkat pendidikan – sekolah, universiti dan maktab perguruan. Ia juga selain itu, bertanggungjawab mengkaji bagaimana satu sistem pendidikan kebangsaan dapat diwujudkan bagi menggantikan sistem sedia ada yang ketara berasaskan perkauman.⁶ Kajian itu menghasilkan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 atau Penyata Razak 1956. Ia antara lain mencadangkan penubuhan dua jenis sekolah rendah – Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK), yang walaupun dibenar menggunakan bahasa lain, pengajaran subjek bahasa Melayu tetap diwajibkan.

Ku Li berusia 18 tahun ketika Penyata Razak digubal, dan diumumkan pelajar terbaik Anderson School bagi peperiksaan *Post School Certificate* 1955. Misi berikutnya adalah mencari tempat untuk menyambung pengajian di luar negara, dan London menjadi pilihannya, sama ada Oxford atau Cambridge.

"I was preparing to go to Cambridge, but at that time Cambridge had only five places. Itu keputusan British, di

mana hanya lima tempat disediakan untuk pelajar Tanah Melayu, dan pada tahun tersebut, kesemuanya telah diisi pemegang biasiswa kerajaan. *I'm a private scholar, so I was told that either I wait atau pergi ke tempat lain. I said no, I'm not going to wait and waste a year.*" – Ku Li

Ayahandanya memilih Queen's University di Belfast, Ireland Utara. Keputusan itu menurut Ku Li dipengaruhi bekas Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu, Sir **Donald Charles MacGillivray** yang pernah menuntut di universiti sama.

"He was the last governor dan dia baik dengan ayahanda saya. Katanya, 'You send your son to Ireland and my family can look after him.' Dia ada keluarga di sana. Saya kalau boleh tentulah tidak mahu. Saya mahu be independant. Tapi bagaimana nak bantah keputusan ayahanda. So that's how I went to Ireland!" – Ku Li

Akhir 1955, Ku Li berlepas ke Belfast bagi menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi).

Pada tahun sama, diadakan pilihan raya pertama Persekutuan Tanah Melayu, dan gabungan Perikatan

pimpinan Tunku menang besar membolot 51 daripada keseluruhan 52 kerusi dipertandingkan. Keputusan itu mendorong Tunku mengisytiharkan Tanah Melayu berhak merdeka lebih awal, malah menetapkan Ogos 1957 sebagai tarikh perisytiharan. Kenyataan itu mengejutkan British, tetapi disambut penuh semangat oleh rakyat seluruh negara, terutama orang Melayu yang sudah meluap mahu bebas daripada belunggu penjajah. Tunku mengugut bahawa British tiada pilihan. Jika menolak, Tanah Melayu katanya lebih baik diserahkan kepada komunis, kerana langkah melewatkan kemerdekaan menurutnya hanya membantu Parti Komunis Malaya (PKM) menghasut rakyat menentang penjajah. Atas sebab itu, soal perlembagaan kata Tunku harus segera dibincang.⁷

Pada Januari 1956, Tunku ke London mengetuai rundingan kemerdekaan bersama delegasi sembilan ahli yang digelar 'Utusan Merdeka'. Mereka ialah Razak, Dr. **Ismail Abdul Rahman** (Tun), Kolonel **H. S. Lee** (Tun), **T. H. Tan** (Tan Sri), dan **Bahaman Samsudin** (Tan Sri). Ikut serta sebagai wakil Raja-raja Melayu ialah Dato' Panglima Bukit Gantang **Abdul Wahab Abdul Aziz**, **Nik Ahmad Kamil Nik Mahmud** (Tan Sri), **Abdul Aziz Majid** (Tun), dan **Mohd Seth Mohamed Said** (Dato'). Proses rundingan berlangsung tiga minggu, dan persetujuan akhirnya berjaya dicapai dengan tarikh merdeka ditetapkan 31 Ogos 1957.⁸

Susulan keputusan itu, Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu atau Perjanjian London ditandatangani di Lancaster House, London pada



Tunku sedang
menandatangani
Perjanjian London.



KU LI

Memor
205

KU LI atau **Tengku Razaleigh Tengku Mohd. Hamzah** ialah putera kerabat Kelantan dari jalur keturunan Long Yunus yang memerintah negeri sehingga 1794. Lahir pada 1937, doktor ialah cita-citanya sejak kecil, namun hala tujunya berubah selepas lapan hari di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Pada 1955, ketika perjuangan negara membebaskan diri daripada belenggu penjajah hampir mencapai kemuncak, Ku Li dihantar ayahnya meninggalkan Tanah Melayu ke Belfast di Ireland.

Selepas tamat ijazah pertama pada 1958, Ku Li menyambung pengajian undang-undang di London. Namun pada Februari 1962, biar tinggal berbaki hanya satu peperiksaan, beliau terpaksa bergegas pulang. Berlaku peristiwa besar, sekali gus titik tolak yang mengubah serta-merta jalan kehidupan.

Pada usia 25 tahun, Ku Li yang asalnya tidak pernah berhajat menyertai politik, mengalah apabila dipujuk Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj untuk menyelesaikan misi besar menebus maruah UMNO. Sebagai persediaan, beliau dilantik senator dan dihantar mewakili negara ke Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke-17 pada 1962. Namun takdir untuknya berliku sejak awal. Baru sehari tiba, jawatan senator dibatalkan dan lebih malang, beliau 'terkandas' empat bulan di New York dalam keadaan bersabung nyawa.

Lima belas bab buku ini berkongsi banyak perkara belakang tabir, terutama hal berkaitan hubungan Ku Li dengan empat tokoh awal pemimpin negara – Tunku, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, dan Tun Hussein Onn. Ia memperlihatkan keikhlasan Ku Li berjuang untuk negara – jauh melangkaui keperluan dan kepentingan diri sendiri. Selain berkhidmat tanpa ganjaran, beliau berterusan menolak pangkat dan jawatan, baik dalam politik, mahupun kerajaan. Ku Li hanya bertanding pilihan raya pada 1969 – selepas Tunku 'murka' dan hampir putus asa memujuknya (berkali-kali). Ku Li hanya bersetuju menyertai Kabinet sebagai menteri pada 1976, menerusi 'wasiat' Tun Razak ketika nazak – selepas kecewa memujuknya (berkali-kali).

Di penghujung, hanya tinggal Hussein yang 'gagal'... Dua kali Ku Li menolak permintaannya. Pertama pada 1976 – apabila diminta mengisi jawatan Timbalan Perdana Menteri, dan kedua pada 1981 – apabila didesak menggantikannya sebagai Perdana Menteri.

ISBN 978-629-99293-1-4



9 786299 929314

**FORUM
PRESS**



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA